

Kluang: Atlet kebangsaan, Nurul Ashikin Hussin, 23, berjaya meraih pingat emas acara jalan kaki 5,000 meter dalam Kejohanan Varsity Track & Field 2024 (Siri 2) di Stadium Kluang, semalam.

Pelajar **Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah** itu mencatat masa 28:41.62 saat meninggalkan pencabarnya Putri Yasmin Mohd Pisol dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di tempat kedua dengan catatan masa 28: 52.18 saat.

Tempat ketiga dan keempat milik Nurul Alya Haziqah Kamarazaman dan Ummu Fatin Najihah Zahidi dari Universiti Putra

Mahu tempah tiket ke Sukan Sea

Harian Metro (online) 25/5/24



ASHIKIN (dua dari kiri) atlet jalan kaki 5,000 meter berjaya meraih pingat emas dalam Kejohanan Varsity Track & Field 2024 (Siri 2) Stadium Kluang, semalam.

Malaysia dan tempat kelima milik Nur Ilyana Hazmi dari UPSI.

Nurul Ashikin ketika ditemui berkata, beliau berharap dapat menempah ti-

ket untuk mewakili negara ke Sukan Sea di Thailand pada tahun depan.

“Saya akan bertanding dalam Kejohanan Terbuka Malaysia pada pertengahan Jun ini untuk acara jalan kaki 20,000 meter selain Sukan Universiti Asean ke-21 di Surabaya-Malang Indonesia nanti dalam acara sama.

“Sebelum ini saya pernah menang pingat emas dalam Kejohanan Terbuka Malaysia, di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil dan mewakili Malaysia ke Sukan Sea Hanoi Vietnam pada bulan Mei 2022.

“Harapan saya mahu pecah rekod peribadi 27: 41 saat dan juga mewakili negara ke Sukan Sea di Thailand 2025,” katanya.

Dalam pada itu, Nurul Ashikin Abas, atlet kebangsaan mewakili UPM menang pingat emas acara lompat jauh dengan catatan 5.74 meter meninggalkan rakan sepasukan R Kirthina, bekas atlet kebangsaan di tempat kedua dengan catatan 5.52 meter dan Nurul Nazifah Abd Wahab dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di tempat ketiga dengan catatan 5.14 meter.